

21/07/1999

Ruhanie mahu MRSM tidak jadi pentas politik

KOTA BHARU, Selasa - Majlis Amanah Rakyat (Mara) mengarahkan pengetua institusi pendidikan di bawah kelolaan agensi itu termasuk Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) memastikan tempat mereka tidak digunakan sebagai pentas politik.

Pengerusinya, Ruhanie Ahmad, berkata ini penting bagi mengawasi institusi pendidikan itu bebas daripada kegiatan menghasut atau meracuni pemikiran pelajar supaya membenci kerajaan melalui program tertentu termasuk ceramah. Beliau yang juga Pengerusi Yayasan Pelajaran Mara (YPM), berkata arahan itu sentiasa diberi penekanan dari semasa ke semasa supaya tumpuan pelajar tidak terjejas kerana isu seumpama itu.

Menurutnya, Mara mewujudkan institusi pendidikan dengan matlamat meningkatkan program pembangunan pendidikan kepada pelajar mencari ilmu termasuk di lebih 20 MRSM di seluruh negara.

Katanya, pengawasan kegiatan di institusi pendidikan itu diberi penekanan oleh Mara bukan saja untuk menjaga kepentingan pelajar supaya mereka tidak dibebani pengaruh negatif pihak tertentu bagi tujuan menghasut dan sebagainya.

"Pelajar dihantar ke institusi pendidikan kelolaan Mara untuk belajar dan didedahkan dengan pelbagai kemahiran serta ilmu untuk menjana proses pembangunan negara terutama sebagai barisan pelapis kepimpinan negara pada masa akan datang.

"Tidak wajar pemikiran pelajar diracuni termasuk menghasut mereka membenci kerajaan yang menyediakan tempat belajar dan menimba hidup sebagai insan berguna kepada bangsa, agama dan negara," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan minggu induksi pelajar matrikulasi, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan pelancaran MS ISO 9002 Kolej Yayasan Pelajaran Malaysia (KYPM) Kota Bharu, di Kem Kijang, Jalan Pantai Cahaya Bulan di sini, malam tadi.

Beliau diminta mengulas langkah yang diambil Mara bagi mengawasi kegiatan pihak tertentu yang cuba meracuni pemikiran pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT) supaya membenci kerajaan.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed, mendedahkan ada kakitangan akademik menghasut pelajar supaya membenci kerajaan dengan pelbagai tuduhan keterlaluan termasuk menyamakan pemimpin negara dengan Firaun.

Menurut Ruhanie, Mara akan bertindak tegas jika ada di kalangan kakitangannya terbabit dalam usaha menghasut pelajar membenci kerajaan kerana tindakan itu tidak baik untuk proses pendidikan pelajar.

Beliau berkata, pada masa ini Mara mempunyai kira-kira 10,000 kakitangannya di seluruh negara dan mereka sudah diberi peringatan supaya tidak menjadi penghasut kepada pelajar.

"Dalam soal pendidikan kita tidak gunakan pertimbangan politik untuk membuka peluang kepada pelajar termasuk dari Kelantan walaupun kita tahu latarbelakang keluarga mereka yang menyokong pembangkang.

(END)